

## Peranan Sukarelawan Untuk Membentuk Bandar Selamat

### *(The Role of Volunteering to Build a Safe City)*

Mohd Alif Jasni<sup>1\*</sup>, Noralina Omar<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia;

Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia;

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, off Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia;

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, off Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [noralina@um.edu.my](mailto:noralina@um.edu.my)

#### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Mohd Alif Jasni  
([mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my))

#### KATA KUNCI:

Aktiviti sukarela  
Sukarelawan  
Tanggungjawab sosial  
Keselamatan  
Bandar selamat

#### KEYWORDS:

Voluntary activity  
Volunteers  
Social responsibility  
Safety  
Safe city

#### CITATION:

Mohd Alif Jasni & Noralina Omar. (2022).  
Peranan Sukarelawan Untuk Membentuk  
Bandar Selamat. *Malaysian Journal of Social  
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11),  
e001959.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1959>

#### ABSTRAK

Aktiviti sukarela merupakan suatu aktiviti yang murni dan mampu memberi suatu kepuasan estetik serta berupaya memupuk semangat tolong-menolong dalam diri individu yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Terdapat pelbagai peranan sukarelawan dalam membantu agenda pembangunan negara seperti meningkatkan kesedaran awam dan memberi khidmat sosial dalam pelbagai aspek seperti kebajikan, kepenggunaan, kelestarian alam sekitar dan keselamatan. Salah satu peranan sukarelawan menjaga keselamatan kawasan tempat tinggal bagi membentuk kawasan tempat tinggal atau bandar selamat. Bagi membentuk sebuah bandar selamat, penghuni di kawasan tersebut harus mengambil tanggungjawab sosial untuk bersama-sama dengan pihak berkuasa dan jiran-tetangga menjaga keselamatan kawasan tempat tinggal mereka. Maka, penglibatan aktif sukarelawan berupaya mewujudkan sebuah bandar atau kawasan tempat tinggal yang lebih selamat sekaligus dapat mengurangkan tahap kegusaran, kebimbangan dan ketakutan masyarakat.

#### ABSTRACT

Voluntary activity is a pure activity that is able to give aesthetic satisfaction and is able to cultivate the spirit of helping each other in the individuals involved in the activity. There are various roles of volunteers in helping the national development agenda such as raising public awareness and providing social services in various aspects such as welfare, consumerism, environmental sustainability and safety. One of the roles of volunteers is to maintain the safety of the residential area to form a safe

residential area or city. In order to create a safe city, residents in the area should take social responsibility to work together with the authorities and neighbors to keep the area where they live safe. Therefore, the active involvement of volunteers is able to create a safer city or residential area as well as reduce the level of annoyance, anxiety and fear of the community.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada apabila membincangkan tentang keupayaan dan peranan sukarelawan dalam membantu membina bandar selamat. Di samping itu, penulis turut mengadun perbincangan dengan menerangkan konsep bandar selamat serta teori kesukarelawan sedia ada dalam memberi gambaran tentang interaksi di antara kedua-dua ini ke arah pembentukan bandar selamat.

## 1. Pengenalan

Aktiviti sukarela merupakan suatu aktiviti yang murni dan mampu memberi suatu kepuasan estetik dan berupaya memupuk semangat tolong-menolong dalam diri individu yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Aktiviti tersebut juga merupakan aktiviti yang penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan dan sentiasa relevan sepanjang zaman dalam membantu insan yang memerlukan. Aktiviti sukarela merupakan salah satu tulang belakang kepada pembangunan masyarakat, organisasi dan negara. Hal ini kerana terdapat beberapa tanggungjawab sosial wajar untuk digalas oleh individu atau sekelompok manusia bagi melancarkan lagi kefungsian seseorang manusia atau sesebuah kelompok manusia. Budaya memberi khidmat secara sukarela ini timbul dari tradisi tolong-menolong, berkongsi barang, pertukaran barangan keperluan dan telah menjadi lumrah hidup bermasyarakat sejak zaman dahulu. Aktiviti-aktiviti yang berkait dengan khidmat sukarela yang dilakukan oleh sukarelawan ini juga disebut kesukarelawan.

Sejarah istilah sukarelawan bermula pada era 1750-an telah digunakan oleh orang awam yang ditugaskan untuk membantu aktiviti ketenteraan sewaktu kecemasan, yang mana pada ketika itu, dasar kerajaan tidak memberikan sebarang bayaran upah atau gaji terhadap perkhidmatan tersebut (Cnaan et al., 1996). Sejak era tersebut, istilah sukarelawan telah digunakan secara meluas sehingga kini. Kesukarelawan terbentuk berasaskan kepada tiga komponen penting iaitu yang pertama, tindakan atau kerja sukarela; yang kedua, individu dan kelompok yang melakukan kerja secara sukarela yang melibatkan pengetahuan, kemahiran, kebolehan, pengalaman, sikap, semangat, dan dorongan; dan ketiga, pertubuhan, gerakan, rangkaian atau institusi sukarela dalam masyarakat. Penglibatan seseorang dalam aktiviti kesukarelawan berupaya menjadikan mereka lebih prihatin terhadap perpaduan bangsa dan integrasi sosial terutamanya di negara yang mempunyai berbilang bangsa seperti Malaysia (Normah & Ain Zahirah, 2021).

Kesukarelawan merupakan aktiviti yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu pihak yang memberi khidmat dan pihak yang menerima khidmat. Kesukarelawan secara umumnya dianggap sebagai aktiviti bersifat altruistik dan bertujuan untuk menggalakkan kebaikan atau meningkatkan kualiti hidup manusia (Jamal et al., 2021). Di samping itu, ia merupakan aktiviti yang menyihatkan dan memberi pelbagai manfaat kepada individu, masyarakat dan negara (Normah & Ain Zahirah, 2021). Menurut Pryce, Hall dan Hill (2015), aktiviti kesukarelawan biasanya

difahami sebagai kerja yang tidak berbayar namun seseorang bebas meluangkan masa untuk membantu organisasi atau individu yang bukan saudara mereka. Sukarelawan lazimnya mempunyai ciri-ciri seperti jati diri yang tinggi, seorang yang pemurah dan lebih berfikiran terbuka, rajin dalam kerja (Tapp & Spanier 1973; Gu et al., 2012). Kerja-kerja sukarela juga perlu bagi membantu membuat perubahan terhadap persekitaran dan kesejahteraan kehidupan manusia (Shahrom et al. 2015). Tanpa semangat kesukarelawan dan nilai-nilai insaniah yang tinggi dalam kalangan masyarakat, keseimbangan pembangunan negara dan insan sukar untuk dicapai. Justeru, semangat kesukarelawan perlu dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat. Ia merupakan asas untuk menghasilkan insan yang prihatin, bertanggungjawab dan saling membantu tanpa mengira agama, kaum dan warna kulit.

Aktiviti sukarela melibatkan skop yang luas di mana ia melibatkan penyertaan aktif anggota-anggota masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, ekonomi, ketatanegaraan, keagamaan, hak-hak asasi manusia, kepenggunaan, alam sekitar, perlindungan haiwan, kepekaan gender, kebajikan dan lain-lain (Jamal et al., 2021). Dari aspek pendidikan misalnya, aktiviti sukarela yang boleh dilakukan ialah memberi bimbingan dan tunjuk ajar untuk mendalami bidang agama dan memberi pendidikan percuma kepada kanak-kanak yang tidak mampu bersekolah. Dari aspek ekonomi misalnya, aktiviti sukarela yang boleh dilakukan ialah memberi bimbingan keusahawanan atau dana untuk memulakan/memajukan perniagaan. Kesukarelawan adalah aktiviti dilakukan dengan kerelaan hati, tanpa paksaan dan tanpa upah. Menurut Wan Asri et al. (2020), aktiviti sukarela yang dilakukan secara individu atau berkumpulan perlu dilakukan dengan kerelaan diri tanpa ada tekanan dari mana-mana pihak dan ianya dibuat dengan niat ikhlas tanpa mengharap sebarang ganjaran. Hal tersebut jelas kerana aktiviti yang dilakukan oleh sukarelawan sering dikaitkan dengan aktiviti berbentuk perkhidmatan yang tidak berbayar (Cnaan et al., 1996). Terdapat juga pandangan daripada pengkaji lepas yang menyatakan tugas sebagai sukarelawan memerlukan pengorbanan tenaga, usaha dan masa tanpa mengimpikan bentuk ganjaran bakal diterima. Ellis dan Noyes (1990) turut menjelaskan yang sukarelawan bertindak berasaskan kepada masalah yang terjadi dalam masyarakat dan mengambil pendekatan menjalankan tanggungjawab sosial tanpa memikirkan keuntungan. Maka, peranan sukarelawan dalam melakukan kerja-kerja sukarela turut melibatkan sumbangan dari segi masa, tenaga, sumber, pengetahuan, kemahiran, kebolehan, pengalaman tanpa paksaan dan tidak mengharapkan apa-apa ganjaran.

Sukarelawan merupakan nadi kepada aktiviti sukarela dan program-program khidmat sosial yang tidak berbayar. Tanpa adanya sukarelawan, sesuatu program sukar dilaksanakan walaupun komuniti atau organisasi mempunyai dana atau kewangan yang mencukupi. Oleh itu, sumbangan sukarelawan dalam bentuk bukan material seperti masa dan tenaga mempunyai nilai dan kepentingan yang sama atau lebih tinggi berbanding sumbangan dalam bentuk kewangan atau sumber (Normah & Ain Zahirah, 2021). Tuntasnya, peranan sukarelawan dalam agenda pembangunan dan kesejahteraan negara tidak boleh dipandang remeh.

## **2. Sorotan Literatur**

### **2.1. Falsafah Keselamatan Negara**

Dasar Keselamatan Negara merupakan tonggak dan tunjang utama kepada mempertahankan dan melindungi keselamatan sebuah negara yang berdaulat. Ianya

menjadi rujukan apabila pihak kerajaan mengadakan satu program atau aktiviti dan tadbir urus di peringkat negara yang berkaitan dengan keselamatan negara. Penekanan dasar ini adalah bukti komitmen jitu kerajaan terhadap keselamatan negara agar terpelihara daripada diancam oleh anasir-anasir luar. Bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan sentosa, keselamatan negara amat memerlukan satu usaha yang berterusan dalam memastikan negara kekal sebagai sebuah negara berdaulat dan rakyat berada dalam keadaan stabil rohani dan jasmani. Mendepani masalah kadar peningkatan jenayah di bandar, Malaysia perlu menyesuaikan peraturan bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa. Konsep keselamatan menyeluruh bersesuaian membanteras jenayah dengan usaha berterusan pihak kerajaan dan juga orang awam yang saling bergantung menjaga keamanan negara ([Majlis Keselamatan Sosial, n.d.](#)).

Tanggungjawab menjaga komuniti di bandar tidak lagi terletak kepada agensi penguatkuasaan kerajaan semata-mata. Badan sukarelawan juga memainkan peranan tersendiri dalam melaksanakan tanggungjawab bersesuaian dengan fungsi tugas, kepakaran dan peranan dalam menjaga keselamatan negara. Komitmen yang diberikan oleh orang awam atau badan sukarelawan yang komited mendepani apa juga isu-isu keselamatan adalah aset terpenting negara mengekalkan negara dalam keadaan aman dan harmoni. Menyedari isu keselamatan negara perlu dikukuhkan, maka Falsafah Keselamatan Negara dikukuhkan dengan Sembilan Nilai Keselamatan Negara yang menjadi tunjang keselamatan negara terus berdaulat. Sembilan Nilai Keselamatan Negara tersebut ialah:

- a. Pertahanan
- b. Keselamatan Dalam Negeri
- c. Ketenteraman Awam
- d. Keselamatan Politik
- e. Keselamatan Ekonomi
- f. Keselamatan Masyarakat
- g. Keselamatan Kesihatan Awam
- h. Keselamatan Alam Sekitar
- i. Keselamatan Awam

Mendepani pelbagai ancaman terhadap keselamatan, kerajaan telah merangka satu tindakan integrasi melibatkan semua aspek secara menyeluruh. Ancaman kawasan bandar dan luar bandar juga dikenal pasti dan melibatkan jentera kerajaan dan juga orang awam seperti sukarelawan dikerah di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pentadbiran daerah, komuniti bandar dan luar bandar. Bagi memudahkan jalan kerja dan panduan kepada semua pihak kerajaan telah melakukan Matriks Keselamatan Negara sebagai satu bentuk rujukan am melibatkan perspektif Keselamatan Negara Malaysia. Matriks ini menerangkan dengan jelas isu keselamatan dan ancaman perlu ditangani dengan semua pihak. Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 telah menyenaraikan hubungan antara elemen, ancaman dan isu keselamatan tradisional dan non-tradisional yang relevan dengan konteks Malaysia ([Majlis Keselamatan Sosial, n.d.](#)). Maka, Konsep Keselamatan Menyeluruh lebih jelas difahami melalui Matriks Keselamatan Negara seperti dalam [Rajah 1](#).

Rajah 1: Matriks Keselamatan Negara: Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara & Keselamatan Menyeluruh

Matriks Keselamatan Negara (National Security Matrix) : Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara & Keselamatan Menyeluruh									
9 NILAI TERAS KESELAMATAN NEGARA	1	2	3	4	5	6	7	8	9
	Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah	Kestabilan Sosio-Politik	Kesepaduan Nasional	Tadbir Urus Yang Baik	Keutuhan Ekonomi	Keadilan Sosial	Pembangunan Mampan	Keselamatan Rakyat	Pengiktirafan Antarabangsa
STRATEGIK OPERASIONAL TAKTIKAL	Keperluan Nasional	Perlembagan Persekutuan Keselamatan	Integrasi Nasional	Pencegahan Rujukan dan Pengubahan Integriti	Nenas Ekonomi-Keselamatan	Kedaulatan Undang-undang	Keselamatan Air	Keselamatan Dalam Negeri	Dasar Luar Malaysia
	Ciri-ciri sifat unggul wilayah	Ehwal Raja-Raja Melayu	Kontrak Sosial	Pengurusan Perubahan Nasional	Impak Globalisasi / De-globalisasi	Socio-Budaya & Identiti Nasional	Sekuriti Makanan (Food Security)	Ketenteraman Awam	Hubungan Diplomatik Antarabangsa
	Pengakuan Kawasan Negara	Sistem Persekutuan	Keperluan Persekutuan	Pengurusan Dasar Menteri-Sektor	Keutuhan Ekonomi	Kewangcaraan	Pengurusan Perubahan Iklim	Ekstremisme / Keganasan / Ajaran Sesat / Ideologi Baharu	Komitmen Individu Antarabangsa
	Perikatan / Penyuhutan Perikatan Bala / Penyuhutan Bala	Pengisytiharan Kuasa	Keperluan Negeri	Indeks Keselamatan Kebangsaan	Pengurusan Sumber Pendapatan Negeri	Hak Asasi Manusia mengikut Perlembagaan	Strategi Pembangunan Revolusi Industri 4.0	Jenayah Berketatan Gangsteris	Keselamatan Geo-Strategik - ASEAN
	Domain Angkasa Lepas	Keselamatan Politik	Semangat Kemajreraan	Pengurusan Sumber Negara	Pengurusan Keselamatan Tenaga	Ibu Kumpulan B40, M40 & T20	Infrastruktur Strategik Keselamatan	Jenayah Berketatan Dadah	Keselamatan Geo-Strategik - Asia Pasifik
	Domain Daratan	Demokrasi Berlembagaan	Perpaduan Masyarakat	Integrasi Dasar & Operasi	Pengurusan Infrastruktur Kritikal Negara	Ibu Bandar & Luar Bandar	Projek Pembangunan Keselamatan Khusus	Pendatang Asing Tanpa Izin	Keselamatan Geo-Strategik - Antarabangsa
	Domain Maritim	Perjanjian Malaysia 1963	Semangat Patriotisme	Peruntukan Betanawan Sektor Keselamatan	Pembangunan Infrastruktur Negeri	Pengurusan Sistem Pendidikan Kebangsaan Secara Menyeluruh	Pembangunan Kapasiti & Kompetensi Nasional	Pengukuhan Undang-undang	Konvensional Antarabangsa Disertai Malaysia
	Domain Udara	Kelembagaan Hak Majoriti Dan Hak Minoriti	Sensitiviti Toleransi (Ekon-Toleransi)	Pengurusan Teknologi Keselamatan	Pembangunan Sosio-Ekonomi Semampai	Ibu Migran & Migrasi	Impak Pembangunan Bandar & Luar Bandar	Pengurusan Krisis Keselamatan	Komitmen Antarabangsa
	Pengukuran & Resendaman Semampai	Sensitiviti Perkauman	Hubungan Persekutuan Negeri	Pengurusan Komunikasi Keselamatan	Kekuatan Matawang	Kesetaraan Gender	Peruntukan Rakyat & Kemampuan Pendidikan	Pengurusan Pandemi & Keselamatan Kesihatan	Kerjasama Bilateral / Multilateral
	Kesediaan Cegah Bentang Keganasan	Sensitiviti Agama	Hubungan Berbilang Kaum	Pengurusan Teknologi Maklumat	Pemulihan Pasca-Krisis Pandemi	Tingkah Laku Sosio-Budaya	Pemuliharaan Alam Sekitar	Pengurusan Bencana	Pengurusan Keselamatan Semampai Bencana
Pengukuran Pengurusan Perku Mesuk Darat, Laut & Udara	Sensitiviti Institusi Negara	Pengakuan Patriotisme	Akumulatif, kompetensi dan Kapasiti Jantina Kerjasama	Ancaman Ketirisan Hasil Negara	Pemuliharaan Fabrik Sosial	Pengurusan Sumber Asli Negara	Keselamatan Makanan (Food Safety)	Diplomasi Pertahanan	
Pengurusan Aset Keselamatan Negara Secara Komprehensif	Membudaya Perikatan Politik Sihat dan Selamat	Perkongsian Ketamahan yang Adil, Menyeluruh & Berkeadilan	Pengurusan Peluang Kerjasama Warga Tempatan	Pemilihan Etnis/Strategi Negara	Akses Pendidikan Kepada Semua	Memelihara dan Mempertahankan Infrastruktur kritikal negara	Pundi Rujukan Berisiko	Diplomasi Ekonomi	
Pencerobohan & Pembelotan Semampai	Pengurusan Kebelakangan Media	Hubungan Berbilang Agama	Sistem Kawangan Kerjasama	Ancaman Pemyelupan	Memelihara Golongan Rentan	Pengurusan CBIRN (Chemical/Biological/Radiation/Nuclear/Terrorism)	Pengakuan Kesihatan Minda dan Kefahaman Rakyat	Evaluasi Wangenara di Luar Negara	
Peperangan Siber	Pemantauan Media Sosial	Budaya Digital Malaysia	Pengurusan Teknologi Geo-Data	Infrastruktur Digital	Pengurusan Jurang digital	Teleskop Perumahan / Destructive Technology	Jenayah Siber	Integrasi Komuniti Keselamatan Siber Antarabangsa	
Kelembatan Siber & Teknologi	Domain Siber dan Elektromagnetik	Penggunaan Bernta Paku	Pemantauan Naratif & Naratif-Balas	Kerajaan Digital	Pengurusan eko-sistem Ekonomi Digital Malaysia	4IR & Impak Sosial, Budaya, Identiti dan Jajadi Malaysia	Akses Digital	Pengurusan Keselamatan Data Menyeluruh	
Kemampanan Strategik	Perubahan Siber Aktif (Active Cyber Defences)	Pembudayaan Ruang Siber Yang Sihat dan Selamat	Pengakuan Minda dan Persekitaran Komuniti Siber	Tadbir Urus dan Pengurusan Berkesan Domain Siber	Ancaman Mengumpul Teknologi Digital	Memperluaskan Rangka Kerja Perundangan & Pengkuatkuasaan	Pembangunan Kesedaran, Keupayaan dan Pendidikan	Memperluaskan Rangka Kerja Perundangan & Pengkuatkuasaan	
	Gerak Sarif & Perang Sarif	Propaganda & Propaganda Balas	Operasi Jwa-Marah (Hearts & Minds)	Strategi komunikasi Kerajaan	Kandungan Digital	Produksi Ciri Sosio-Budaya	Keselamatan Keselamatan Negara	Kelembatan Peranan Masyarakat	
								Imej dan Status Negara	

Sumber: [Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. \(n.d\)](#)

## 2.2. Konsep Bandar Selamat

Konsep bandar selamat adalah satu inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan untuk menjaga dan membentuk persekitaran aman dan selamat bandar-bandar di Malaysia. Konsep bandar selamat merupakan konsep yang menjurus kepada penyelesaian masalah jenayah di bandar untuk membentuk suasana kondusif dan selamat. Pengenalan konsep bandar selamat ini telah diuar-uarkan terlebih dahulu di UN-Habitat pada tahun 1996 apabila menyedari perkembangan jenayah di bandar-bandar seluruh dunia, lalu terbentuklah Program Bandar Selamat diwujudkan dengan pelbagai kerjasama pihak kerajaan dan masyarakat (Ainur & Jalaluddin, 2010). UN-Habitat memfokuskan usaha membanteras jenayah yang berleluasa terutama di kawasan bandar. Program bandar selamat ini mula dilaksanakan pada tahun 2004 dengan objektif untuk mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan jenayah dan mengurangkan perasaan takut jika terjadi jenayah serta meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan.

Bagi memastikan sebuah bandar selamat untuk didiami, maka kadar jenayah telah menjadi salah satu indikator bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat dengan memberikan penekanan kepada aspek keselamatan. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah mengeluarkan satu garis panduan khas untuk mengelakkan jenayah di bandar dan menyelamatkan kawasan dengan memperketat rondaan. Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas, Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan program pengawasan jenayah berasaskan komuniti di bawah Program Rukun Tetangga (RT) bagi meningkatkan kawalan terhadap jenayah. Program Bandar Selamat juga telah menumpukan kepada kawasan tinggi jenayah dengan melengkapkan langkah pencegahan seperti memasang kamera litar tertutup, cermin keselamatan dan pencahayaan yang mencukupi. Namun, selain menghindar jenayah, terdapat elemen

selamat yang lain misalnya selamat dari segi keganasan, bencana, kemerosotan moral dan kemalangan seperti yang dijelaskan di bawah.

Terdapat beberapa elemen penting bandar selamat iaitu:

- a. Mewujudkan bandar yang bebas daripada keganasan seperti kes kecurian, jenayah ragut, pecah rumah dan sebagainya yang menyebabkan kehilangan nyawa dan trauma, kerosakan harta benda dan sosial;
- b. Mewujudkan bandar yang bebas daripada bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh;
- c. Mewujudkan bandar yang bebas daripada kemerosotan sosial dan moral seperti penagihan dadah, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, integriti dan kerosakan moral; dan
- d. Mewujudkan bandar yang bebas daripada segala jenis kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kebakaran dan kemalangan jalan raya.

### 2.2.1. Ciri-Ciri Bandar Selamat

Pihak kerajaan telah merangka ciri-ciri khusus untuk membentuk sebuah bandar selamat dan digunakan seluruh Malaysia. Ciri ini melibatkan reka bentuk persekitaran dipenuhi dengan teknologi pengawasan moden terutama dalam komuniti yang tinggal di bandar. Walaupun begitu kecanggihan teknologi moden yang digunakan untuk pengawasan di bandar, ia tidak menjamin pengurangan kejadian jenayah dan lain-lain risiko keselamatan. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah mereka bentuk ciri-ciri bandar selamat berdasarkan kategori berikut:

- i. Reka bentuk Persekitaran
- ii. Aspek Keselamatan (pemantauan daripada Polis, Bomba, dan Rukun Tetangga)
- iii. Penglibatan Komuniti

Sebuah bandar yang selamat perlu diilhamkan dengan mereka bentuk ciri persekitaran seperti pencahayaan yang mencukupi dengan pertambahan lampu jalanan, pemasangan alat komunikasi moden seperti CCTV dan telefon awam. Hasil mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Januari 2004 telah memutuskan bahawa laluan lorong gelap dan sunyi perlu dilakukan penambahbaikan seperti menambah lampu dan cermin untuk mengelakkan jenayah berlaku (Noorliana et al., 2012). Peranan anggota penyelamat seperti Polis, Bomba, APM dan RELA juga penting bagi memenuhi ciri bandar selamat. Pembabitian komuniti perlu bagi memenuhi ciri bandar selamat. Peranan ini penting untuk memastikan keselamatan khususnya di persekitaran kediaman mereka. Penekanan faktor keselamatan, semangat kejiranan yang diamalkan perlu ditekankan untuk menjadikan tanggungjawab menjaga ketenteraman adalah tanggungjawab semua pihak (Noorliana et al., 2012).

Berkait dengan ciri bandar selamat, berikut adalah langkah memperkasakan bandar selamat dan mesra pengguna (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia seperti berikut:


- a. Mengasingkan laluan pejalan kaki dan kenderaan bermotor
- b. Menyediakan *bollard*
- c. Mengawal tanaman landskap di laluan pejalan kaki
- d. Penyelidikan pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran
- e. Perkongsian maklumat jenayah melalui GIS
- f. Penyemakan garis panduan susun atur perumahan
- g. Pondok polis
- h. Papan tanda peringatan jenayah

- i. Cermin keselamatan
- j. Penggera keselamatan
- k. Mengemaskan kawasan semak samun
- l. Tempat letak motor berkunci
- m. Pemasangan CCTV
- n. Laluan awam tidak terlindung atau menghalang pandangan awam
- o. Pencahayaan dan menerangkan kawasan penjenayah dengan lampu jalan
- p. Tidak membenarkan laluan pejalan kaki dijadikan kawasan berniaga
- q. Menjanakan pelbagai aktiviti perniagaan
- r. Perkhidmatan kawalan keselamatan swasta
- s. Pendidikan
- t. Pemasangan lampu di lorong tepi, depan dan belakang rumah
- u. Penyediaan risalah kepada komuniti
- v. Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan

### 2.2.2. Model 'Safety City'

Model bandar selamat merupakan sebuah model panduan dan ukuran keselamatan sesebuah bandar. Namun demikian, ciri-ciri sesebuah bandar selamat di dunia tidak sama dan tidak boleh disamakan. Ini dilihat daripada segi perundangan dan peraturan di setiap negara. Sebagai contoh, Malaysia tidak membenarkan rakyat memiliki senjata api. Sebaliknya terdapat negara lain membenarkan rakyat mereka memiliki senjata api. Oleh yang demikian, model bandar selamat digunakan dalam konteks bersesuaian dengan Malaysia seperti [Rajah 2](#).

Rajah 2: Model bandar selamat di Malaysia



Diubahsuai daripada: [Devi dan Tony \(2019\)](#)

Berdasarkan model tersebut, bandar selamat yang bersesuaian dengan konteks negara ini boleh dicapai dengan adanya enam ciri. Ciri-ciri tersebut ialah mempunyai ciri-ciri asas bandar selamat seperti yang telah dibincangkan di bahagian yang sebelumnya, mempunyai kawalan keselamatan yang menggunakan teknologi moden, mempunyai infrastruktur yang lengkap, mempertimbangkan kesihatan penduduk dan mengambil kira orang awam yang menghuni bandar tersebut.

Dimensi pertama adalah kawalan menggunakan teknologi moden terutama dalam mengawal ancaman komputer yang boleh wujud sehingga membawa kepada kesan terhadap sistem komputer. Malahan, dimensi ini turut menekankan tentang penipuan yang wujud daripada penggunaan maklumat peribadi untuk tujuan kewangan.

Dimensi kedua pula berkaitan keselamatan kesihatan terutama dari segi polisi yang melibatkan isu persekitaran. Keupayaan rakyat dalam mendapatkan akses kepada kesihatan, makanan yang berkualiti, air berkualiti, udara berkualiti, jangka umur kehidupan, jangka hayat bayi, jangka hayat pesakit kanser dan sebagainya. Dalam hal ini, keperluan masyarakat setempat untuk turut berfungsi sebagai sukarelawan dalam bergerak ke arah membantu mempergiatkan usaha untuk meningkatkan keselamatan kesihatan penduduk. Pelbagai kaedah yang diperkenalkan dalam membolehkan aspirasi untuk meningkatkan keselamatan kesihatan penduduk dapat dicapai.

Dimensi ketiga pula melibatkan keselamatan peribadi dari segi memastikan pengawasan berdasarkan rondaan, mengawal penggunaan senjata. Malahan, keselamatan peribadi ini juga berusaha dalam mengawal jenayah terancang, penggunaan dadah, rasuah dan keselamatan gender. Dari dimensi ini, sukarelawan turut boleh memainkan peranan dalam menjadi perantara bagi melancarkan aspirasi kerajaan untuk mencapai keselamatan peribadi dalam masyarakat. Sukarelawan daripada pelbagai agensi bukan kerajaan dan berkepentingan mempunyai peranan yang dapat dimainkan agar usaha untuk mencapai keselamatan peribadi dalam kalangan masyarakat dapat dilaksanakan. Pelbagai NGO yang wujud pada hari ini turut bergerak ke arah meningkatkan keselamatan dalam sesuatu masyarakat mahupun *setting* penduduk yang ada. Hal ini selari dengan matlamat untuk mencapai pembentukan bandar selamat menerusi kehadiran para sukarelawan yang hadir ini.

Dimensi keempat pula berkaitan karakteristik atau ciri bandar selamat di peringkat tempatan apabila berusaha dalam memastikan perhubungan sosial masyarakat yang bergerak secara bersama sebagai ahli di dalam masyarakat. Selain itu, usaha ini boleh dijalankan secara kolektif apabila ahli komuniti mempunyai kawalan dalam mengubah tingkah laku penduduk secara bersama-sama dengan tujuan keselamatan dan mewujudkan bandar selamat.

Dan dimensi terakhir adalah keselamatan infrastruktur yang berkaitan untuk mewujudkan keselamatan pengangkutan yang mesra pelanggan, penggunaan lalu lintas serta jalan raya yang selamat, infrastruktur yang berkualiti dan sebagainya. Malahan, dimensi keselamatan infrastruktur ini turut membincangkan tentang pengurusan bencana dalam usaha mencapai bandar selamat. Kesemua ini merupakan antara peranan yang dapat dijalankan oleh sukarelawan dengan menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang ada bagi menggalakkan proses serta usaha negara dalam mencapai pembentukan bandar selamat.

Pada hari ini, sukarelawan boleh hadir secara individu mahupun menerusi badan bukan kerajaan atau kepentingan masing yang membawa aspirasi yang pelbagai. Terdapat badan bukan kerajaan yang menumpukan usaha untuk mencapai persekitaran yang selamat, komuniti terpinggir, hak asasi, agama, kaum, budaya, alam sekitar dan sebagainya. Keadaan ini secara tidak langsung turut membawa proses ke arah membentuk bandar selamat. Badan-badan bukan kerajaan boleh secara bersama memastikan aspirasi yang cuba dicapai dapat dilakukan sekali dengan usaha

membentuk keselamatan yang lebih baik dalam masyarakat. Kesemua ini sebenarnya mempunyai peranan penting untuk membentuk bandar selamat yang lebih baik di dalam sesebuah negara. Sukarelawan perlu dipupuk dengan minat dan motivasi tentang tanggungjawab sosial agar mereka dapat menjadi sukarelawan yang berupaya membantu negara memelihara keselamatan di dalam masyarakat. Perbincangan seterusnya adalah mengenai keperluan meningkatkan keselamatan dalam komuniti.

### *2.2.3. Keperluan Meningkatkan Keselamatan Dalam Komuniti*

Terdapat pelbagai insiden yang berlaku di dalam kawasan kediaman terutamanya telah mewujudkan rasa tidak selamat, takut dan bimbang dalam kalangan masyarakat misalnya pecah rumah, rompakan dan ragut. Pelbagai usaha yang berbentuk pencegahan dan pemulihan telah dilakukan dan sebahagian tanggungjawab tersebut disandarkan kepada kerajaan (anggota keselamatan). Namun, kekangan tugas dan populasi penduduk yang ramai menyukarkan anggota keselamatan untuk mengawal kawasan tempat tinggal dengan sepenuhnya. Maka, di sinilah perlunya peranan sukarelawan bagi menjalankan tugas sukarela membantu pihak berkuasa mengawal keselamatan kawasan kediaman.

Keperluan meningkatkan keselamatan sewajarnya menjadi tanggungjawab yang harus dilakukan kolektif oleh pihak kerajaan dan juga penduduk Malaysia. Bahagian sebelumnya telah menjelaskan sejauh mana usaha kerajaan meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam menerusi teras falsafah keselamatan negara. Kerajaan juga telah melantik ramai anggota keselamatan bagi melaksanakan dasar tersebut. Kerajaan juga mengharapkan sokongan rakyat bagi mencegah perbuatan jenayah sekali gus meningkatkan keselamatan negara. Usaha membanteras jenayah memerlukan penglibatan semua pihak termasuk penduduk yang mendiami sesebuah kawasan. Peranan penduduk setempat seperti melakukan rondaan, menjadi mata-mata kerajaan untuk menyalurkan pelbagai maklumat yang mencurigakan merupakan antara aktiviti sukarela untuk menjaga keselamatan sekeliling mereka.

Sebagai pengiktirafan kepada aktiviti kesukarelawanan menjaga keselamatan dan keamanan, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia telah ditubuhkan dan mendapat sokongan penuh kerajaan. Yayasan tersebut mendapat mandat untuk melaksanakan aktiviti atau program membanteras jenayah di bandar dan luar bandar.

Isu keselamatan menjadi satu masalah yang perlu ditangani dengan berkesan supaya ianya tidak membantutkan aktiviti seharian masyarakat termasuk emosi dan fizikal. Menurut [Jalaluddin dan Mohd Asruladly \(2015\)](#), persekitaran bandar yang tidak selamat telah meninggalkan beberapa kesan terhadap masyarakat seperti berikut:

- a. Perasaan fobia dalam kalangan penduduk apabila melalui laluan pejalan kaki atau lintasan pejalan terhadap kemalangan.
- b. Perasaan fobia dalam kalangan penduduk untuk berjalan kaki kerana kegiatan penyeluk saku, samun dan rogol di kawasan sunyi.
- c. Perasaan fobia kepada masyarakat sekeliling apabila berjiran dengan pendatang haram.
- d. Perasaan fobia kepada kebebasan seperti takut melepaskan anak-anak bermain tanpa pengawasan ibu bapa.
- e. Perasaan fobia terhadap hutan dan semak-samun dibimbangkan terdapat binatang berbisa.

- f. Perasaan fobia terhadap bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh merosakkan harta benda.
- g. Perasaan fobia apabila tinggal berseorangan kerana di intip pergerakan oleh penjenayah.
- h. Ketakutan kepada lelaki seperti kejadian rogol.
- i. Ketakutan kepada kegelapan dan malam hari kerana tiada lampu jalan.
- j. Ketakutan kehadiran warga asing yang berpelesenan sekitar pasar dan tepi jalan.

Ketakutan yang dinyatakan di atas merupakan faktor penyebab mengapa perlunya menitik beratkan aspek keselamatan dalam setiap komuniti. Kehidupan yang selamat dan aman sangat membantu masyarakat untuk menjalankan fungsi sosial dengan lebih berkesan dan menjalani kehidupan seharian dengan lebih produktif.

### 3. Motif Yang Boleh Mendorong Seseorang Menjadi Sukarelawan

Terdapat pelbagai inisiatif yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan bagi melibatkan komuniti dalam agenda menjaga keselamatan negara. Kerajaan turut mengiktiraf penglibatan komuniti dengan memperkasakan peranan komuniti untuk sama-sama menjaga keselamatan khususnya di lokaliti masing-masing. Untuk ini, semangat kesukarelawan perlu dipupuk dalam kalangan ahli komuniti agar usaha memelihara keselamatan negara dapat dilaksanakan ([Majlis Keselamatan Sosial, n.d](#)). Hal ini kerana peranan komuniti dalam menjaga keselamatan tempat tinggal tidak dibayar upah sebaliknya tugas menjaga keselamatan tersebut lebih kepada tanggungjawab sosial. Rancangan Malaysia Kesebelas ada menyatakan mengenai kepentingan penglibatan komuniti dan program kesukarelawanan dalam meningkatkan keselamatan awam dan mencegah jenayah. Kerjasama antara agensi penguatkuasaan dan masyarakat dicapai menerusi aktiviti kesukarelawan yang dilaksanakan oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) yang terdiri daripada RELA, JPAM dan masyarakat telah membantu PDRM dalam meningkatkan pencegahan jenayah. Bagi mendorong penglibatan masyarakat menjadi sukarelawan terutama dalam menjayakan inisiatif kerajaan mengetengahkan program membentuk persekitaran aman dan selamat adalah seperti berikut:

#### 3.1. Matlamat Penubuhan Sesebuah Organisasi

Sukarelawan yang memfokuskan kerja daripada aspek organisasi dan institusi akan dinilai daripada matlamat penubuhan organisasi berkenaan. Matlamat penubuhan organisasi akan membawa masuk individu-individu yang sukarela memberikan perkhidmatan kepada masyarakat bersandarkan kepada objektif penubuhan organisasi tersebut. Selepas Malaysia merdeka penglibatan aktiviti sukarelawan dialu-alukan untuk menjaga aspek keselamatan bandar dan kampung. Menyedari kepentingan sukarelawan maka pada tahun 1975 telah ditubuhkan Rukun Tetangga dan termaktub dalam Ordinan Darurat 1969 ([Nur Hidayah et al., 2020](#)) dengan matlamat memastikan keselamatan penduduk terutama kawasan bergolak terjamin dan penambahbaikan Rukun Tetangga dilakukan selaras dengan perkembangan semasa. Penglibatan individu atau dalam bentuk berkumpulan dalam menjaga keselamatan penting untuk peningkatan kualiti hidup. Sukarelawan yang terlibat dalam komuniti biasanya memilih untuk memastikan keselamatan tempat tinggal mereka terjaga dan selamat. Keselamatan ini melingkupi kawasan bandar dan juga kawasan di pedalaman. Bagi meringankan beban pihak penguatkuasaan tempatan, khidmat sukarelawan diperlukan untuk menjaga keamanan

dan keselamatan. Menurut [Nur Hidayah et al. \(2020\)](#) peranan sukarelawan diperlukan untuk menjayakan konsep Rukun Tetangga bermotifkan menjaga keselamatan penduduk di kawasan tertentu dari anasir jenayah. Rukun Tetangga menjadi mata-mata pihak berkuasa melaporkan setiap perkara yang mencurigakan sekitar kawasan mereka.

### 3.2. Program Anjuran Kerajaan

Faktor keselamatan untuk mencegah kegiatan jenayah dalam kalangan penduduk bandar perlu dilakukan pelbagai program untuk menarik penyertaan penduduk. Contohnya Skim Rondaan Sukarela (SRS). Program ini adalah salah satu program yang telah dirancang oleh komuniti setempat merujuk kepada Akta Rukun Tetangga 2012 dan Pekeliling Rondaan Sukarela 2012 sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ([Norwahidah & Novel, 2016](#)). Program yang dianjurkan oleh kerajaan seperti ini juga menjadi penarik utama individu menyertai sukarelawan secara tidak langsung masalah dan isu berkaitan dengan keselamatan dapat diselesaikan dengan mudah.

### 3.3. Peningkatan Isu Keselamatan dan Jenayah

Masalah isu keselamatan dan peningkatan kesalahan jenayah di kawasan bandar dan berhampiran kediaman menyebabkan seseorang terjebak dalam aktiviti sukarelawan bagi memastikan keselamatan tempat tinggal mereka terjamin. Wujud hal-hal kegiatan jenayah yang berleluasa menyebabkan komuniti sesuatu tempat bertindak aktif dan berusaha memastikan kawasan kediaman sentiasa dilindungi dan selamat dari anasir jenayah. Penglibatan aktif penduduk secara berterusan dapat mencegah kegiatan jenayah. Menurut [Wan Nurul Wahidah dan Muhamad Sayuti \(2021\)](#), persekitaran yang memiliki keselamatan yang terbaik bagi masyarakat dapat mengurangkan kadar kes jenayah di kawasan tersebut sekali gus menambah baik mekanisme pencegahan jenayah sedia ada.

#### 3.3.1. Peranan Sukarelawan

Saban tahun, kenaikan kes jenayah semakin menjadi-jadi terutama di bandar-bandar besar. Keganasan dan kejadian jenayah telah menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat dan mewujudkan pelbagai kesan negatif terhadap masyarakat lebih-lebih lagi kes melibatkan senjata api, rompakan dan samun. Oleh yang demikian, peranan aktif sukarelawan untuk sama-sama membantu pihak berwajib telah menjadi satu agenda yang digalakkan oleh kerajaan.

Malaysia semenjak merdeka sehingga kini mewah dengan semangat kehiranan yang kukuh dan lebih-lebih lagi ianya telah mencerminkan satu budaya tersendiri yang dibawa daripada dahulu sehingga kini iaitu komitmen sukarelawan. Sukarelawan dalam kumpulan masyarakat dan konsep kehiranan membawa kepada kesepakatan untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan di bandar. Keperluan sokongan masyarakat menjayakan konsep bandar selamat digagahkan dengan semangat kesukarelawan. Sukarelawan tertumpu kepada aktiviti di mana mereka meluangkan masa secara bermakna dan memberikan manfaat kepada masyarakat dan individu. Sukarelawan bergerak dalam bentuk individu atau kumpulan secara proaktif dengan memberikan sumbangan dalam bentuk tenaga, masa, idea dan usaha berterusan bagi memastikan keamanan bandar selamat. Menurut [Ismail \(2020\)](#), semangat kesukarelawan dalam komuniti bandar mendasari faktor kemodenan dan perkembangan teknologi diselami

perkembangan kemajuan perindustrian adalah merupakan bidang kajian yang semakin menjadi minat pengkaji-pengkaji terkini.

Keresahan kehidupan di bandar yang penuh dengan pelbagai rintangan dan masalah yang hadir daripada unsur-unsur luar dan menjadi ketidakselesaan penghuni kota. Masalah daripada unsur-unsur luar yang juga dikenali sebagai kes jenayah membawa satu perasaan keluh kesah penghuni kota dan penuh kebimbangan seperti kes rogol, samun, kecurian, ragut, pecah rumah dan sebagainya menimbulkan ketidakselesaan kekal menghuni kota. Bagi mengatasi kes jenayah berleluasa maka pihak kerajaan menggesa peranan sukarelawan yang tinggal dalam komuniti bandar bekerjasama dalam segala aspek khususnya dalam soal keselamatan setempat. [Ainur dan Jalaluddin \(2010\)](#) mendedahkan kawasan bandar terutama taman perumahan menjadi sasaran kepada kegiatan jenayah. Pendedahan kes jenayah ini menimbulkan keresahan penduduk terhadap kualiti keselamatan tempat tinggal mereka. Impaknya kualiti kehidupan mula terjejas dan ianya menimbulkan perasaan takut dan emosi yang tidak stabil. Maka, untuk mengatasinya pihak kerajaan di peringkat kebangsaan dan juga tempatan cuba sedaya upaya mengekalkan bandar di Malaysia dalam keadaan selamat. Pada peringkat kerajaan tempatan, penyertaan komuniti digalakkan bagi membantu pihak berkuasa dalam mencegah jenayah sekitar kawasan mereka.

Sukarelawan komuniti tempatan menyumbang peranan penting mengekang jenayah di kawasan kediaman mereka. Sebagai contoh penglibatan sukarelawan bandar selamat dalam Program Rondaan Sukarela (SRS) berfungsi menyelesaikan masalah isu keselamatan di kawasan kejiranan. Sukarelawan yang terlibat menjalankan tanggungjawab memerhati dan mengawas ke atas harta benda terutama semasa musim perayaan dan juga rumah kejiranan yang pulang bercuti di kampung. Semangat yang ditunjukkan oleh sukarelawan membantu dan mengambil berat antara jiran Tetangga dalam komuniti mereka dapat membantu membanteras kejadian jenayah. Menurut [Ismail \(2020\)](#), peranan sukarelawan amat membantu masyarakat bandar hidup dalam keadaan aman dan tenteram dengan adanya SRS membantu pihak berkuasa dalam mengurangkan kadar jenayah dan selain itu menjadi mata-mata kerajaan melaporkan kegiatan jenayah di kawasan mereka.

Tahap keupayaan dan keberkesanan peranan sukarelawan dalam melaksanakan keselamatan di kediaman bandar boleh digambarkan dengan komitmen, progresif dan proaktif sukarelawan membantu dan mengurangkan kadar jenayah. Hal ini dapat dilihat dengan perkembangan aktiviti sukarelawan bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, lembaga-lembaga kerajaan, pihak swasta, badan korporat, usahawan perniagaan dan sebagainya untuk melahirkan bandar selamat. Menurut [Ainur dan Jalaluddin \(2010\)](#), peranan sukarelawan merupakan langkah pencegahan mengenal pasti jenayah dan mengambil tindakan proaktif sebelum jenayah berlaku di kawasan mereka. Pengisian program yang dilakukan oleh sukarelawan dapat mencegah dan melahirkan kejiranan yang bermuafakat dan bersepakat menjaga ketenteraman awam. Kesungguhan sukarelawan menjadikan kawasan kediaman di bandar yang selamat untuk kejiranan dengan memberikan sepenuhnya komitmen terhadap matlamat konsep bandar selamat sepertimana yang termaktub dalam Program Bandar selamat yang perlu mematuhi 23 langkah pencegahan jenayah.

#### 4. Teori-Teori Kesukarelawan

Teori Kesukarelawan digunakan untuk memahami aktiviti kesukarelawan sekali gus memahami peranan sukarelawan dengan lebih mendalam. Beberapa teori kesukarelawan yang biasa digunakan ialah seperti Teori Sosial, Teori Pencirian Individu, Teori Sumber, Teori Fungsional dan Teori Beralasan (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). [Jadual 1](#) menerangkan secara ringkas beberapa Teori kesukarelawan.

Jadual 1: Teori yang berkaitan dengan kesukarelawan

Nama Teori	Huraian	Sumber
Teori Sosial	Menjelaskan perkaitan elemen sosial seperti persekitaran, integrasi dan peranan dimainkan oleh individu dalam aspek kesukarelawan. Persekitaran sosial mempunyai perkaitan rapat dengan persekitaran luaran dan dalaman manusia berkenaan perubahan yang terjadi. Contohnya kejadian bencana alam seperti banjir telah menarik peranan individu menyertai aktiviti sukarela untuk membantu golongan yang terkesan. Sementara itu, hubungan integrasi sosial terjadi secara positif melibatkan individu itu sendiri berminat membantu dan terlibat dalam aktiviti sukarela.	<a href="#">Tuan Pah Rokiah &amp; Lilah (2016)</a>
Teori Perincian Individu	Teori ini wujud daripada ciri-ciri yang dipaparkan oleh setiap individu yang muncul daripada dalaman seseorang. Perwatakan seseorang yang menarik dengan penggunaan emosi yang stabil membentuk satu kerjasama menarik antara pihak sukarelawan dan masyarakat.	<a href="#">Tuan Pah Rokiah &amp; Lilah (2016)</a>
Teori Sumber	Teori ini melibatkan kecekapan penggunaan sumber yang digunakan oleh sukarelawan. Sebagai contoh, sukarelawan menggunakan masa yang ada untuk diaplikasikan dengan cekap melakukan kerja-kerja sukarela. Penggunaan sumber yang cekap membantu sukarelawan melaksanakan peranan dengan jayanya dan aktiviti kesukarelawan berjalan lancar.	<a href="#">Tuan Pah Rokiah &amp; Lilah (2016)</a>
Teori Fungsional	Teori ini membincangkan penghayatan semangat kesukarelawan digunakan dengan sepenuhnya. Namun, sukar memberikan pengukuran yang tepat kerana tingkah laku, sikap dan sikap sukarelawan tidak sama di antara satu sama lain.	<a href="#">Tuan Pah Rokiah &amp; Lilah (2016)</a>
Teori Tindakan Beralasan	Teori ini dicipta berdasarkan pengalaman yang sedia ada oleh individu yang pernah menyertai aktiviti-aktiviti sukarela menyebabkan individu tersebut terpengaruh dan berminat menyertai aktiviti-aktiviti sukarela. Tingkah laku ini terjadi hasil daripada niat yang membawa kepada sikap individu untuk bertindak membantu di lapangan.	<a href="#">Tuan Pah Rokiah &amp; Lilah (2016)</a>

Namun begitu, teori kesukarelawan yang dijelaskan di atas memerlukan beberapa faktor lain yang akan menentukan kecekapan peranan sukarelawan dalam menjayakan program bandar selamat. Faktor seperti altruisme, amal jariah dan rasa sepunya mampu membangkitkan semangat kesukarelawan bagi menjayakan program mewujudkan bandar selamat. Oleh yang demikian, berikut diuraikan peranan faktor yang terlibat untuk disesuaikan dengan penglibatan sukarelawan di Malaysia kini.

#### 4.1. Altruisme

Altruisme merupakan ciri yang ada pada individu untuk membentuk kesejahteraan individu atau orang lain tanpa mempedulikan perihal diri sendiri. Untuk menjadi sukarelawan yang bagus, ia memerlukan penglibatan individu dalam membuat kerja-kerja kebajikan yang dianggap sangat penting dan diamalkan oleh setiap agama, masyarakat dan kaum di dunia. Altruisme adalah pemupukan perasaan kesetiaan dan perhatian kepada motivasi untuk membantu orang lain dan keinginan melakukan kerja kebajikan tanpa mengharapkan ganjaran atau keuntungan daripada kerja amal yang dilakukan. Menurut [Aishah Nadirah dan Tajul Arifin \(2013\)](#), penglibatan sukarelawan dalam aktiviti kesukarelawan lazimnya didorong oleh sifat altruisme atau keinginan untuk melakukan kebaikan kepada orang lain. [Baron dan Byrne \(2005\)](#) dalam [Maftuhah, 2021](#)) mendedahkan dalam penulisan mengenai faktor mempengaruhi altruisme seperti berikut:

- a. Prihatin atau empati
- b. Mendedahkan dunia penuh keadilan. Mempercayai perbuatan baik dibalas baik bahkan perbuatan buruk akan menerima hukuman setimpal.
- c. Tanggungjawab sosial. Setiap individu perlu mendedahkan perbuatan ke arah kebajikan memberikan tanggungjawab melakukan terbaik untuk menolong orang yang tidak berupaya atau tidak bernasib baik.
- d. Lokus kawalan dalaman: adalah merupakan prinsip kemanusiaan yang diamalkan oleh setiap individu yang memilih bertingkah laku baik menghasilkan sesuatu yang berkualiti dan mengurangkan tabiat negatif.
- e. Egosentrisme rendah

Selain itu, [Myers \(2012\)](#), dlm. [Maftuhah 2021](#)) mendedahkan faktor-faktor mempengaruhi altruisme seperti berikut:

- a. Faktor dalaman yang mempertimbangkan pengaruh-pengaruh dalaman terhadap tindakan melakukan keputusan diambil membantu orang ramai dalam situasi seperti gerak hati, kemampuan mengendalikan emosi, pencapaian, empati dan situasi emosi seseorang.
- b. Faktor luaran seperti jantina, persamaan ciri, pendekatan diambil antara hubungan sukarelawan dan orang awam, jumlah kewangan yang mencukupi, waktu dan pelbagai lagi.
- c. Faktor-faktor peribadi yang menimbangkan sifat pertolongan mencakupi sifat keperibadian, peranan jantina dan agama.

Oleh yang demikian, altruisme wujud daripada sifat semula jadi manusia. Selain itu, ia juga boleh wujud melalui penerapan nilai-nilai murni ke dalam diri individu. Dengan kata lain, nilai altruisme boleh dipupuk dan diperkasakan.

#### 4.2. Amal Jariah

Menurut [Garret Dawum \(2017\)](#) mendedahkan program-program yang dijalankan oleh segelintir individu melalui aktiviti kesukarelawan adalah bentuk amal jariah yang berkesan bagi menjiwai dan menerapkan elemen kesukarelawan kepada pelajar. Jika diteliti, pelbagai program aktiviti sukarelawan berbentuk amal jariah boleh dilakukan seperti mengagihkan makanan kepada golongan yang kurang berkemampuan, memberikan tuisyen percuma kepada anak-anak yatim, membantu mangsa-mangsa banjir dan sebagainya. Budaya ini wajar diamalkan oleh segenap masyarakat. Ini kerana

kerja amal berupaya memberikan satu kepuasan yang sukar digambarkan. Kepuasan tersebut mendorong individu untuk terus melakukan amal jariah dan mengajak individu di sekelilingnya melakukan perkara yang sama. Kepuasan tersebut secara tidak langsung mampu meningkatkan kesejahteraan diri seseorang. Dengan kata lain, kerja-kerja sukarela mampu mendatangkan manfaat kepada si pelakunya.

#### **4.3. Rasa Sepunya (*self belonging*)**

Rasa sepunya merupakan satu unsur yang membentuk dan memupuk perasaan sayang dan mengambil berat terhadap sesuatu perkara yang disukai atau disayangi oleh individu (Muhammad Izzuddin & Nur Hafizah, 2020). Rasa sepunya atau dalam erti kata yang lain, semangat kekitaan merupakan elemen penting untuk membangunkan perasaan sayang dan membantu jiran tetangga dan masyarakat sekeliling. Penyertaan sukarelawan dalam aktiviti Rukun Tetangga jelas menunjukkan mereka mempunyai semangat kekitaan yang tinggi sehingga sanggup menggalas tanggungjawab sosial untuk membantu masyarakat menjaga keamanan kawasan tempat tinggal.

#### **5. Kesimpulan**

Peranan sukarelawan bagi membentuk bandar selamat amat signifikan. Bagi membentuk sebuah bandar selamat, penghuni di kawasan tersebut harus mengambil tanggungjawab sosial untuk bersama-sama dengan pihak berkuasa dan jiran-tetangga menjaga keselamatan kawasan tempat tinggal mereka. Tiada had bilangan untuk menjadi sukarelawan. Semakin ramai sukarelawan, sebaik ringan tanggungjawab dan semakin tinggi kawalan terhadap keselamatan sesebuah kawasan tempat tinggal. Maka, penglibatan aktif sukarelawan berupaya mewujudkan sebuah bandar atau kawasan tempat tinggal yang lebih selamat sekali gus dapat mengurangkan tahap kegusaran, kebimbangan dan ketakutan masyarakat.

#### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Modul Kesukarelawanan Bandar Selamat yang telah didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 10 November 2022 dengan nombor pendaftaran LY2022P04847 menerusi Pusat Inovasi & Pengkomersilan, Universiti Utara Malaysia.

#### **Kewangan (*Funding*)**

Penulis memperoleh geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/0 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini. Penulisan artikel ini adalah berdasarkan

#### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangannya atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Ainur Zaireen Zainudin & Jalaluddin Abdul Malek. (2010). Keberkesanan program bandar selamat dan persepsi penduduk. Kajian kes. Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi*, 53, 13-34.
- Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.
- Baron, R. A. & Bryne, D. (2005). Psikologi Sosial. Jilid 2. Alih Bahasa: Ratna Djuwta. Edisi Kesepuluh. Jakarta: Erlangg
- Cnaan, R., Handy, F. & Wadsworth, M. (1996). Defining who si a volunteer: conceptual and empirical considerations. *Nonprofit and voluntary sector quarterly*, 25(3), 364-383. <http://nvs.sagepub.com>
- Devi Mega Risdiana & Tony Dwi Susanto. (2019). The safe city: conceptual model development- a systematic literatur review. *Procedia Computer Science* 161, 291-299.
- Ellis, S. J., & Noyes, K. H. (1990). *By the people*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Garret Dawun. (9 Mei 2017). Amal Jariah Kenang Kesusahan. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/05/227850/amal-jariah-kenang-kesusahan>
- Ismail Zakaria. (2020). Penglibatan komuniti dalam menangani kegiatan jenayah di Kawasan kejiranan melalui pendekatan skim rondaan SRS. Thesis Ph.D. Universiti Utara Malaysia.
- Jalaluddin Abdul Malek & Mohd Asruladlyi Ibrahim. (2015). Bandar selamat dan keselamatan komuniti bandar selamat (safe city and community safety of safe city). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(1), 97-117.
- Jamal, M. B., Kaspin, K. G., Mohd Nor, N. M., Marzuki, M., Rahman, M. H. A., & Ramlie, H. (2021). Keberkesanan Pendidikan Kesukarelawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke Arah Memperkasakan Nilai-Nilai Insaniah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(39), 208-222. DOI: 10.35631/IJEP.6390014
- Maftuhah. (2021). Hubungan empati dan kematangan emosi dengan perilaku altruisme pada relawan Covid-19. Master thesis, University 17 Agustus 1945 Surabaya.
- Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. (n.d). Dasar Keselamatan Negara 2021-2025. Diakses dari <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/DASAR-KESELAMATAN-NEGARA-2021-2025.pdf>
- Muhammad Izzuddin Amin Isham & Nur Hafizah Yusoff (2020). Komuniti sebagai agen kawalan social tidak formal dalam menangani masalah sosial. *eBangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(6), 80-92.
- Myers, G. D. (2012). *Psikologi Sosial*. Salemba Humanika, Jakarta
- Noorliana Safian, Nurul Hanis Mohd Sabri, Shawal Sahid Hussain, Nurul Akma Kamarudin & Siti Melinda Haris. (2012). Bandar selamat: satu kajian literatur. Proceeding of international Conferences on Public Policy and Social Science, UITM Melaka. November.
- Normah Awang Noh & Ain Zahirah Mohd Zahid. (2021). Manfaat penglibatan dalam kesukarelawanan terhadap pembangunan kemahiran dan sosial dalam kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 67-84.

- Norwahidah Zanalibdin & Novel Lyndon. (2016). Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam program Skim Rondaan Sukarela: kajian kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 22-32.
- Nur Hidayah Abdul Manap, Zurinah Tahir & Jalaluddin Abd Malek. (2020). Faktor pemilihan perumahan komuniti berpagar dan kepentingan rukun tetangga dalam pencegahan jenayah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(8), 234-245.
- Pryce, H., Hall, A. & Hill, R. G. (2015). The role of volunteer support in the community for adults with hearing loss and hearing aids. *Patient Education and Counseling*, 98(8), 954-960.
- Shahrom Md. Zain, Mohd Junaidi, M.I. & Ahmad Basri, N.E. (2015). Sukarelawan alam sekitar: penerimaan dan kefahaman pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(2), 74-83.
- Tapp, J.T. & Spanier, D. 1973. Personal characteristics of volunteer phone counselors. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 41(2), 245- 250. Tapp, J.T. & Spanier, D. 1973. Personal characteristics of volunteer phone counselors. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 41(2): 245- 250.
- Tuan Pah Rokiah & Lilah Yasin. (2016). Belia dan pembudayaan semangat kesukarelawan di Malaysia: Suatu pemerhatian konseptual. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 161-172.
- Wan Asri Wan Aziz, Che Zuina Ismail, Mohd Faizul Idham Zulkifli & Azman Che Mat. (2020). Motif kesukarelawan remaja Muslimah di Terengganu. *Borneo Akademika*, 4(2), 1-12.
- Wan Nurul Wahidah Wan Lanang & Muhamad Sayuti Hassan. (2021). Program pencegahan jenayah di Negeri Perak melalui peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan masyarakat. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 85-101.